




PENGHARGAAN ... Pengetua Kompleks Pemulihan OKU Kimanis menyampaikan cenderamata kenangan kepada Noman sambil disaksikan Noriz (kanan sekali) pada majlis itu.



KENANGAN ... Jawatankuasa penganjur terdiri dari Fan Club Noriz Riz termasuk tetamu jemputan merakamkan kenangan dengan penghuni Kompleks Pemulihan OKU Kimanis sebaik selesainya mini konsert itu.

Bakat boleh dimanfaatkan dengan aktiviti terap nilai murni: Noriz

NST 28.11.2012 12
OLEH ROZZALIN HASHIM
rozzalin@newsabaitimes.com.my

BAKAT tidak semestinya setakat menghibur dan sebagainya, tetapi ia boleh dimanfaatkan dengan aktiviti yang menjurus kepada penerapan nilai-nilai murni.

Seperti mana artis-artis lain di negara ini, penyanyi berbakat besar di Sabah iaitu Noriz Riz sekali lagi tampil meraikan dan membantu golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dalam satu majlis Mini Konsert Amal Noriz Bersama Insan Istimewa di Dewan Kompleks Pemulihan OKU, Kimanis Papar, baru-baru ini.

Bagi, Noriz, 29, bakat menyanyi memberikan peluang kepadanya untuk mendekati golongan yang kurang berkemampuan seperti OKU memandangkan mereka juga adalah sebahagian daripada masyarakat.

"Sewajarnya kita tampil membantu mereka kerana melalui program amal yang saya anjurkan akan dapat menceriaikan golongan ini yang sentiasa memerlukan perhatian agar apa jua permasalahan mahu pun keperitan hidup yang dialami dapat dikongsi bersama," katanya kepada Hiburan NST semasa ditemui selepas majlis itu.


Menurut beliau, program amal ini adalah merupakan siri ke-9 yang telah dilaksanakannya sebagai salah satu usaha berterusan bagi memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa golongan OKU juga memerlukan belaian kasih sayang.

Ini kerana, katanya, ketika negara sedang menuju ke era kemajuan lebih pesat terutama dalam merealisasikan matlamat Wawasan 2020 maka semua pihak perlu saling bekerjasama termasuk tidak menyalahgunakan golongan OKU daripada arus pemodenan globalisasi.

Tambahnya, tidak bermakna golongan OKU yang memiliki kecacatan fizikal menyebabkan mereka tidak boleh menyumbang kepada negara sebenarnya tanggapan sedemikian silap kerana mereka juga boleh menyumbang dalam konteks ekonomi.

"Saya akan menyusun program bagi memastikan golongan OKU ini terbela kerana sebagai insan biasa, kita perlu sentiasa bersikap prihatin agar masyarakat yang kurang mampu dapat diberikan perhatian.

"Inilah salah satu misi Noriz, bakat menyanyi dimanfaatkan sebaik-baiknya yakni bukan setakat menyanyi atau menghibur khalayak ramai tetapi memberi peluang kepada



saya untuk tidak melupakan golongan OKU menerusi program amal ini.

"Lagi pun, Noriz sentiasa berpegang kepada kata-kata mutiara yang berbunyi 'Setiap insan di dunia ini sudah azali dianugerahkan bakat dan kebolehan tersendiri. Terpulanglah pada kita untuk menilai dan menghargainya. Tidak kira sesiapa pun, tanpa ada perbezaan darjat, harta, rupa dan kisah silamnya ... sebab setiap diantara kita ada yang masih belum menyedari anugerah dari tuhan, dan kalau bukan kita yang menghargai atau dihargai ... maka anugerah itu akan jadi sia-sia tidak bermakna.

"Justeru, hargailah selagi ada masa, setiap diantara kita semua berhak dihargai dan menghargai," kata Noriz merujuk kepada kata-kata mutiara itu.

Oleh itu, Noriz berharap agar semua pihak khususnya swasta termasuk syarikat-syarikat korporat tidak melupakan golongan terbabit dengan tampil memberikan bantuan memandangkan mereka juga sebahagian daripada kita.

Mini konsert tersebut disempurnakan oleh Presiden Persatuan Pegawai-Pegawai Pengurusan dan Profesional (PPUMS), Datuk Noman Ahmad.

Seramai 50 penghuni di Kompleks Pemulihan OKU Kimanis telah diraikan dalam mini konsert yang diserikan dengan persembahan khas dari Noriz yang menyampaikan lagu secara okustik bersama Rahim (Guitarist).

Antara lagu-lagu didendangkan Noriz ialah 'Gerimis Mengundang' dan 'Berhenti Berharap' versi Jazz termasuk lagu terbaru beliau berjudul 'Dalam Hati Ada Cinta'.


Turut memeriahkan suasana persembahan artis jemputan iaitu Dang Mar Ezza dan Norule Habibi selain persembahan silap mata serta pertandingan bakat nyanyian daripada insan-insan istimewa di kompleks itu.



GEMBIRA ... Noman menyampaikan barangan hamper kepada penghuni Kompleks Pemulihan OKU Kimanis yang disambut perasaan gembira mereka.



Salah seorang penghuni menerima hamper disampaikan Noman sambil disaksikan Pengetua dan Noriz.



Noriz dan Noman saling bertukar cenderamata kenangan sebagai tanda kejayaan penganjur mini konsert sambil disaksikan Pengetua.



Noriz menyampaikan lagu berbentuk jazz secara okustik.